

ia RM200,000 selepas mendapat markah tertinggi SPB-PBT

MBI paling cemerlang pada 2016

Oleh MUHAMMAD AYMAN GHAFFA

Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) mengijulung kalinya diumumkan sebagai pihak berkuasa tempatan terbaik di negara ini selepas meraih tertinggi dalam Sistem Penilaian Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) pada tahun lalu.

Kesejahteraan Bandar, Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT), dan Noh Omar berkata, pencapaian kali gus mengetepikan Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Johor Bahru yang masing-masing menduduki tempat kedua dan

MBI menunjukkan lonjakan daripada penarafan tiga bintang pada 2010 (70 peratus) kepada lima bintang (90 peratus) pada tahun lalu. Penarafan ini bermula pada tahun 2008 dan kita membuat penilaian terhadap kira-kira 149 PBT di seluruh negeri. Pengiraan melibatkan sebanyak 354

kriteria yang diambil kira.

“Daripada jumlah tersebut, hanya 41 buah PBT memperoleh penarafan lima bintang dengan markah 90 peratus ke atas,” katanya.

Terdahulu, beliau hadir merasmikan majlis penyerahan watakah pelantikan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Sesi 2017-2019 dan penganugerahan penarafan bintang PBT 2016 di Ipoh Convention Centre (ICC) di sini semalam.

Hadir sama, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Abdul Puhat Mat Nayan; Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Masyarakat, Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Rusnah Kassim dan Datuk Bandar Ipoh, Datuk Zamri Man.

Pada majlis tersebut, Noh turut menyampaikan replika cek bernilai RM200,000 kepada MBI sempena pengiktirafan tersebut selain menyampaikan watakah pelantikan kepada 490



NOH (tiga dari kiri) menyampaikan replika cek kepada Zamri (dua dari kanan) pada majlis penyerahan watakah pelantikan JPP di Ipoh semalam.

individu sekali gus melengkapkan keanggotaan sepenuhnya JPP di negeri ini.

Selain MBI, lapan PBT lain di negeri ini turut menerima pengiktirafan lima bintang iaitu Majlis Perbandaran Manjung,

Majlis Daerah Batu Gajah, Majlis Perbandaran Taiping, Majlis Daerah Kampar, Majlis Daerah Kerian, Majlis Perbandaran Teluk Intan dan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar.